

PROGRAM NILAM SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)

PENDAHULUAN

Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) merupakan program galakan membaca yang dijalankan di semua sekolah di Malaysia. Setiap pelajar **DIWAJIBKAN** mengambil bahagian dalam program ini bagi melahirkan individu yang gemar membaca dan seterusnya wujud budaya membaca dalam masyarakat.

KUMPULAN SASARAN

Semua pelajar Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Lima

BAHAN BACAAN

Koleksi Pusat Sumber Sekolah, Perpustakaan Awam dll.

MATLAMAT

Matlamat program NILAM ialah supaya terbina tabiat membaca di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

OBJEKTIF

- Menjadikan pelajar banyak membaca.
- Menggalakkan sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca ini.

ANUGERAH NILAM

Pelajar berpeluang menerima anugerah sebagai pembaca terbanyak di peringkat sekolah/ daerah/ negeri seperti berikut:

- Gangsa
- Perak
- Emas
- NILAM

PELAKSANAAN

• TUGAS GURU KELAS/TINGKATAN

Pastikan semua pelajar ada Buku NILAM.

Kumpulan Buku NILAM setiap 3 bulan untuk analisis.

Isikan Rekod Bacaan Kelas (Lampiran 1) dalam 2 helaian berasingan iaitu satu untuk lelaki dan satu untuk perempuan.

Isikan (Lampiran 2) dan tuliskan nama 3 pelajar yang paling banyak membaca di ruangan bawah.

Fotostatkan kedua-dua lampiran dan serahkan kepada Penyelaras Program NILAM.

Pamerkan Rekod Bacaan Kelas di papan kenyataan kelas mulai bulan Januari.

Isikan Lampiran 3 dan tampalkan di muka depan Buku Kemajuan Pelajar.

Pastikan ibu bapa/ penjaga menandatangani Lampiran 3 pada akhir tahun.

- **TUGAS GURU BAHASA**

Pastikan pelajar meminjam dan membaca sekurang-kurangnya dua buah buku cerita bahasa yang diajar.

Tempahkan perpustakaan dan membawa pelajar untuk meminjam buku

Bantu pelajar memilih bahan bacaan yang sesuai.

Galak dan bimbing pelajar membaca.

Tandatangan Rekod Sinopsis Buku (Lampiran 4) dan Rekod Catatan Individu (Lampiran 5) di Buku NILAM sekurang-sekurangnya sekali sebulan. (pada akhir setiap bulan)

- **GURU WAKTU PERPUSTAKAAN**

Pastikan pelajar membawa Buku NILAM bersama mereka setiap kali mereka ke Perpustakaan sekolah.

Pastikan setiap pelajar mempunyai kad matrik perpustakaan.

Pastikan pelajar membaca buku cerita pada waktu perpustakaan sahaja.

Pelajar dilarang membaca surat khabar, majalah, buku rujukan, buku ulangkaji dan buku teks pada waktu Perpustakaan.

Semakkan Buku NILAM pelajar sekurang-kurangnya sekali sebulan.

- **PENGGREDAN PROGRAM NILAM**

10% maksimum diberi kepada pelajar yang telah membaca dan melengkap sinopsis yang diperlukan dalam buku Program NILAM untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk Peperiksaan Semester 1 dan 2.

Markah Program NILAM

Bilangan buku yang dibaca	Semester 1		Semester 2	
	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris	Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
10 dan atas	10	10	10	10
9	9	9	9	9
8	8	8	8	8
7	7	7	7	7
6	6	6	6	6
5	5	5	5	5
4	4	4	4	4
3	3	3	3	3
2	2	2	2	2
1	1	1	1	1
0	0	0	0	0

ULASAN

Dengan menggunakan cara penggredan, ramai pelajar telah mula membaca supaya dengan tidak secara langsung mereka ingin mendapat markah untuk mata pelajaran mereka pada Peperiksaan Penggal 1 dan 2. Penggredan ini terus akan dijalankan pada tahun depan.

Penglibatan dan sokongan semua pihak sangat perlu untuk menjayakan program ini. Matlamat membudayakan warga pendidik Malaysia dengan tabiat membaca dan mencintai ilmu akan membantu mencapai wawasan pendidikan negara iaitu seimbang dari segi rohani, emosi, jasmani dan intelek.

PENUTUP

Penglibatan dan sokongan semua pihak sangat perlu untuk menjayakan program ini. Matlamat membudayakan warga pendidik Malaysia dengan tabiat membaca dan mencintai ilmu akan membantu mencapai wawasan pendidikan negara iaitu seimbang dari segi rohani, emosi, jasmani dan intelek.